



## **Belanjawan 2023: Peruntukan besar manfaat 8 juta penduduk desa**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - Februari 24, 2023 @ 7:51pm

nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Peruntukan sebanyak RM11 bilion kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dalam Belanjawan 2023 mampu memberi manfaat kepada lebih 8.1 juta penduduk desa di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, peruntukan yang diberikan itu menunjukkan komitmen tinggi dan berterusan diberikan oleh kerajaan dalam melaksanakan agenda pembangunan luar bandar.

Katanya, menerusi peruntukan itu kementerian dapat melaksanakan lebih banyak projek pembangunan di desa termasuk kawasan pedalaman bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi berkaitan ekonomi, sahsiah, spiritual dan modal insan.

"Ini seterusnya dapat menyokong pembangunan sosio-ekonomi serta mewujudkan persekitaran kehidupan luar bandar yang sejahtera dan makmur seperti mana yang digariskan dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030.

"Di bawah peruntukan pembangunan, usaha pembangunan infrastruktur asas di luar bandar akan diteruskan. Ini adalah termasuk peruntukan RM1.5 billion untuk Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa.

"Selain itu, sebanyak RM176 juta yang diperuntukkan itu akan digunakan untuk menaik taraf serta menambah baik premis dan kemudahan perniagaan termasuk di bawah MARA serta premis di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan UDA," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu berkata, pihaknya turut menyambut baik peruntukan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang kini terdapat 280 institusi di bawah kementeriannya.

"KKDW juga menghargai saranan supaya 90 peratus graduan TVET menerima gaji lebih RM2,000 yang dijangka akan turut memberi manfaat kepada kira-kira 59,000 pelajar.

"MARA sebagai salah satu institusi utama TVET di bawah KKDw juga komited untuk merintis pembabitan institusi TVET Persekutuan terutamanya dalam kalangan syarikat berkaitan kerjaan (GLC) bagi mengambil alih sebahagian atau sepenuhnya penyediaan program latihan untuk memenuhi keperluan industri," katanya.

Mengulas mengenai peruntukan sebanyak RM256 juta kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Ahmad Zahid berkata ia adalah Bantuan Musim Tengkujuh yang kadarnya dinaikkan daripada RM600 kepada RM800 untuk tempoh empat bulan dan memberi manfaat kepada 320,000 pekebun kecil.

"Dalam masa yang sama, pendapatan pendapatan minimum penoreh getah juga dapat dipertingkat melalui kenaikan Paras Harga Pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada RM2.50 kepada RM2.70 sekilogram yang membabitkan peruntukan RM350 juta, manakala FELCRA pula menerima peruntukan untuk membangunkan tanah terbiar untuk projek tanaman makanan bagi meningkatkan keterjaminan makanan negara," katanya.

Untuk pendidikan awal kanak-kanak, Ahmad Zahid berkata kementeriannya akan memberi penekanan berkaitan hal itu terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar.

"KKDW akan memastikan peruntukan yang diterima tahun ini akan dimanfaat dan digunakan untuk pemugaran dan memperkasa penduduk desa dalam mendepani cabaran globalisasi.

"Pihak kementerian akan melaksanakan pemantauan berkala bagi program utama melalui Dashboard KKDw bagi memastikan peruntukan ini dirasai oleh penduduk desa," katanya.